

UPM kekal unggul

» Giliran Tack Fai tembak emas 10m air pistol

Oleh Mohd Fitrié Muhamad
mfritrie@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Selepas cemerlang dengan tiga pingat emas pada hari kedua Sukan Institut Pengajian Tinggi (SUKIPT) kelmarin, Universiti Putra Malaysia (UPM) menambah satu lagi emas menerusi acara 10 meter air pistol individu lelaki menerusi Liew Tack Fai.

Pada saingan di Lapang Saran Kebangsaan Subang semalam, Tack Fai yang juga atlit pelapis menembak kebangsaan terlalu unggul membidik 652.7 mata untuk dinobatkan sebagai juara acara itu.

Tempat kedua dimenangi penembak Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Ahmad Zhafri Zamil dengan 651.6 mata manakala Jasmi Mohammad Zin dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di tempat ketiga, dengan 651.0 mata.

“Bagi saya, kemenangan tidak hadir dengan mudah dan saingan cukup sengit kerana mata antara kami (Ahmad Zhafri dan Jasmi) tidak jauh beza. “Memang gembira apatah lagi

ini adalah pencapaian terbaik saya. Jadi saya harap ia dapat ditingkatkan lagi terutama di kejohanan lebih besar,” katanya

Manakala satu lagi pingat emas menembak yang dipertandingkan semalam diraih Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) selepas mencatatkan mata tertinggi, 1,607 mata dan diikuti dengan Kolej Komuniti Pahang (1,571 mata) dan UPM pula tempat ketiga dengan mengutip 1,556 mata.

“Jadi saya harap ia dapat ditingkatkan lagi terutama di kejohanan lebih besar”

Liew Tack Fai
Penembak UPM



KEDUDUKAN PINGAT

| | E | P | G | Jum |
|------------|----|---|---|-----|
| UPM | 10 | 3 | 3 | 16 |
| USM | 4 | 6 | 4 | 14 |
| UM | 4 | 5 | 2 | 11 |
| UiTM | 2 | 4 | 6 | 12 |
| Inti Kolej | 2 | 2 | 0 | 4 |
| UTM | 2 | 1 | 1 | 4 |
| UMS | 2 | 1 | 1 | 4 |
| Taylor | 2 | 1 | 0 | 3 |
| Unikl | 2 | 0 | 0 | 2 |
| HELP | 1 | 2 | 1 | 4 |

INFO

Keputusan Bola Sepak Piala Menteri

- ⊙ Kump A: UMS 2 UPM 2
- ⊙ Kump B: UTHM 0 KK Pahang 4
- ⊙ Kump C: MMU 0 UiTM Pahang 2
- ⊙ Kump D: PKB 2 KK Perak 1

Hari Ini

- ⊙ Kump A: UPM mln UiTM
- ⊙ Kump B: KK Pahang mln UM
- ⊙ Kump C: UiTM Pahang ln UKM
- ⊙ Kump D: KK Perak mln KK Kedah

KUMPULAN A

| | P | M | S | K | J | B | Mt |
|---------|---|---|---|---|---|---|----|
| UiTM SA | 2 | 2 | 0 | 0 | 5 | 1 | 6 |
| UPM | 2 | 1 | 1 | 0 | 6 | 4 | 4 |
| UMS | 2 | 0 | 1 | 1 | 3 | 6 | 1 |
| UnisZA | 2 | 0 | 0 | 2 | 2 | 5 | 0 |

KUMPULAN B

| | P | M | S | K | J | B | Mt |
|------------|---|---|---|---|---|---|----|
| UM | 2 | 2 | 0 | 0 | 6 | 1 | 6 |
| KK Pahang | 2 | 1 | 1 | 0 | 5 | 1 | 4 |
| KKP Pinang | 2 | 0 | 1 | 1 | 1 | 3 | 1 |
| UTHM | 2 | 0 | 0 | 2 | 1 | 8 | 0 |

KUMPULAN C

| | P | M | S | K | J | B | Mt |
|-------------|---|---|---|---|---|---|----|
| UiTM Pah | 2 | 2 | 0 | 0 | 3 | 0 | 6 |
| UKM | 2 | 1 | 1 | 0 | 1 | 0 | 4 |
| UiTM Perlis | 2 | 0 | 1 | 1 | 0 | 1 | 1 |
| MMU | 2 | 0 | 0 | 2 | 0 | 3 | 0 |

KUMPULAN D

| | P | M | S | K | J | B | Mt |
|----------|---|---|---|---|---|---|----|
| KK Kedah | 2 | 2 | 0 | 0 | 3 | 1 | 6 |
| KK Perak | 2 | 1 | 0 | 1 | 3 | 2 | 3 |
| PKB | 2 | 1 | 0 | 1 | 3 | 3 | 3 |
| UTeM | 2 | 0 | 0 | 2 | 0 | 3 | 0 |

laya (UM) dan pendahulu Kumpulan D, Kolej Komuniti Kedah (KKK) turut mengesahkan laluan ke suku akhir selepas masing-masing melakar dua kemenangan sebelum ini.



Aksi pemain MMU (kanan) ketika menentang UKM yang menang 1-0 jaringan pada masa kecederaan, kelmarin.

UKM perlu atasi UiTM Pahang

Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) perlu lebih waspada apabila bertemu UiTM Pahang petang ini dalam saingan Kumpulan C bola sepak Piala Menteri Pengajian Tinggi jika tidak mahu tercicir ke aksi suku akhir, Sabtu ini.

Kedudukan UKM di tangga teratas sebelum ini, dipintas UiTM Pahang yang mengatasi Universiti Multimedia (MMU) 2-0, petang semalam.

“Kami perlu menang petang esok (hari ini),” kata jurulatihnya, Sulaiman Hussin, semalam.

“Hanya kemenangan saja yang menjamin kemaraan kami ke suku akhir. Keputusan

seri 0-0 ketika menentang UiTM Perlis kelmarin, menyulitkan kedudukan kami.”

UiTM Perlis akan menentang MMU esok jika menang dengan jaringan besar dan UKM tewas hari ini, bermakna pasukan dari utara itu mara dengan kelebihan gol.

Sementara itu juara bertahan, UiTM Shah Alam sudah pun mengesahkan tiket ke suku akhir.

Pertemuan menentang Universiti Putra Malaysia (UPM) petang ini sekadar melengkapkan jadual selepas melakar dua kemenangan sebelum ini.

Manakala pasukan pilihan Kumpulan B, Universiti Ma-

Chii Lin terus kuasai kolam

Kuala Lumpur: Cemerlang di hari pertama kelmarin, atlit Universiti Malaya (UM), Leung Chii Lin terus mengegar kolam renang Pusat Akuatik Nasional Bukit Jalil apabila menambah dua lagi pingat emas dan satu perak acara renang di hari kedua, semalam.

Kejayaan Chii Lin itu hadir menerusi 50 meter kuak dada dan 800m gaya bebas berganti-ganti manakala pingat perak diraih dalam acara 50m kuak kupu-kupu.

Pada hari pertama acara renang kelmarin, pelajar jurusan Sains Sukan itu memenangi dua pingat emas dalam acara 100m kuak dada dan 100m gaya bebas.

INFO

Keputusan acara renang

- ⊙ 50 meter kuak kupu-kupu wanita
- ⊙ 1 Chui Lai Kwan (UPM) 29.97s
- ⊙ 2 Leung Chii Lin (UM) 30.25s
- ⊙ 3 Lim Ping Ru (USM) 35.43s

50 meter kuak kupu-kupu lelaki

- ⊙ 1 Chan Yang (Kolej universiti Inti) 26.48s
- ⊙ 2 Ian Leong Bell (USM) 26.86s
- ⊙ 3 Mohd ihsan Nadzri Kamar (UiTM) 27.25s

Lebih manis, emas acara hadir selepas berjaya mengetepikan pencabar terdekatnya dari UPM, Chui Lai Kwan dalam acara 800m gaya bebas berganti-ganti dan kini hanya dipisahkan dengan dua pingat emas berbanding lawannya itu.

“Saya berlatih empat hingga lima kali dalam seminggu tanpa bantuan daripada jurulatih. Jadi saya cukup puas hati dengan pencapaian hari ini (semalam).

“Selepas ini, saya sasar dua lagi pingat emas dalam acara 50m gaya bebas dan 4x100 berganti-ganti,” katanya.

Sementara itu, Lai Kwan terus mengekalkan status perenang terbaik kejohanan julung kali diadakan tahun ini apabila menambah tiga emas untuk menjadikan enam secara keseluruhan.

Pada aksi semalam, tiga pingat emas Lai Kwan terhasil menerusi acara 50m kuak kupu-kupu, 200m gaya bebas dan 200m wanita rampaian.



Chii Lin memperaga empat pingat yang dimenangnya.